

Fokus utama kepada operasi pembersihan dan menyediakan keperluan asas **MOA beri bantuan pascabanjir**

PUTRAJAYA – Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) mengetuai usaha penyelarasan bantuan pascabanjir di Pahang dengan disokong lima lagi kementerian lain.

Konsep 'daerah angkat' dipraktikkan iaitu Jerantut dan Kuantan di bawah Kementerian Pertahanan; Kementerian Kerja Raya (Temerloh); Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (Kuala Lipis); Kementerian Sumber Manusia (Maran); Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (Pekan) dan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (Bera).

Menterinya, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, MOA menubuhkan jawatankuasa penyelarasan pascabanjir Pahang pada Selasa minggu lalu yang melibatkan lima kementerian terbabit susulan keputusan Mesyuarat Khas Pengurusan Krisis Banjir.

"Dua fokus utama yang akan

diberikan perhatian iaitu operasi pembersihan di kawasan banjir dan keperluan mangsa banjir selepas pulang ke rumah masing-masing," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan Mesyuarat Penyelarasan Pasca Banjir Pahang di sini semalam.

Turut hadir ialah Timbalan Menteri, Datuk Seri Tajuddin Abdul Rahman dan Ketua Setiausaha kementerian, Datuk Mohd. Arif Ab. Rahman.

Ismail Sabri memberitahu, pembahagian daerah kepada kementerian yang berlainan adalah bagi memastikan setiap kementerian dapat memberi lebih tumpuan kepada usaha pemulihan di sesebuah kawasan tersebut.

"Tanggungjawab setiap kementerian termasuk membeli peralatan untuk kerja pembersihan dan menyediakan keperluan asas kepada mangsa banjir

untuk meneruskan kehidupan selepas musibah tersebut.

"Buat masa ini, empat daerah telah memulakan kerja pembersihan iaitu di Bera, Jerantut, Kuala Lipis dan Temerloh kerana prosedur standard operasi kita ialah kerja pembersihan akan dimulakan sebaik mangsa pulang ke rumah," ujarnya.

Menurut Ismail Sabri, konsep 'negeri angkat' turut dipraktikkan di negeri lain terjejas banjir seperti Kelantan yang dipertanggungjawabkan di bawah Kementerian Pendidikan, Kementerian Dalam Negeri (Perak) dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (Johor).

Katanya, beliau juga meminta organisasi sukarelawan badan bukan kerajaan yang datang ke negeri terjejas banjir supaya melaporkan kepada unit penyelarasan agar kehadiran mereka



ISMAIL SABRI (kanan) mempengerusikan Mesyuarat Penyelarasan Pasca Banjir Pahang di Putrajaya semalam. Turut kelihatan Mohd. Arif (dua dari kiri) dan Tajuddin (dua dari kanan).

direkodkan serta bantuan dapat disalurkan jika diperlukan.

"Kami perlu tahu dari segi kekuatan anggota mereka dan

untuk mengelak timbul masalah termasuk anggota sukarelawan yang berlebihan di sesuatu kawasan," katanya.